



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN PEJABAT AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA **WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

KUALA LUMPUR, 28 April 2026 - Pejabat Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hari ini secara rasminya telah dirasmikan oleh YB Datuk Ts. Mustapha bin Sakmud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sabah dan Sarawak), dalam satu majlis yang penuh bermakna dan bersejarah.

Dalam ucapan perasmian beliau, YB Datuk Ts. Mustapha merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada AKM atas kejayaan berterusan dalam memperkukuh agenda pembangunan negara bangsa. Beliau menegaskan bahawa penubuhan AKM merupakan langkah signifikan dalam memperkasa jati diri rakyat, memupuk semangat patriotisme serta meningkatkan kefahaman terhadap asas kenegaraan, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Menurut beliau, dalam era globalisasi yang mencabar, nilai kenegaraan perlu terus diperkukuh agar rakyat kekal berpegang kepada prinsip Rukun Negara, memahami Perlembagaan Persekutuan serta menghargai sejarah dan kedaulatan negara. AKM juga berperanan penting dalam menyebarkan elemen kenegaraan secara inklusif merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang masyarakat di setiap wilayah.

Tambah beliau, pelaksanaan program-program tersusun oleh AKM mampu menjadi pemangkin kepada pengukuhan integrasi nasional, sekali gus merapatkan jurang persefahaman dan memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dalam majlis tersebut, beliau turut menyatakan sokongan terhadap inisiatif Gelombang Aku Kasih Malaysia yang dilancarkan pada 3 April 2026. Inisiatif ini dilihat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkukuh nilai kemanusiaan, keharmonian dan kesejahteraan sosial masyarakat. Program ini dilaksanakan secara kolaboratif bersama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan bagi memastikan impak yang menyeluruh kepada rakyat.

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan sentiasa komited dalam menjaga kebajikan rakyat, termasuk melalui inisiatif seperti Program BUDI MADANI 95 serta usaha berterusan memastikan kestabilan bekalan makanan dan kesejahteraan ekonomi rakyat dalam menghadapi cabaran global semasa.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal Sabah dan Sarawak, beliau menekankan bahawa AKM memainkan peranan penting dalam memperkukuh

kefahaman terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia yang berteraskan persefahaman, kepercayaan dan semangat kebersamaan antara wilayah. AKM Wilayah Persekutuan juga dilihat sebagai jambatan penting dalam menghubungkan kefahaman antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak secara inklusif dan menyeluruh.

Beliau turut berharap AKM Wilayah Persekutuan akan terus menjadi pusat kecemerlangan dalam meneraju pendidikan kenegaraan serta melahirkan generasi yang berfikiran kritis, berdaya tahan dan bersemangat patriotik tinggi. Selain itu, beliau menyeru semua pihak termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat untuk bersama-sama berganding bahu dalam memperkukuh pembinaan negara bangsa.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PEJABAT PERDANA MENTERI

28 APRIL 2026
